

DR. MAHATHIR DIDOAKAN SEGERA SEMBUH UNTUK TERUSKAN PERJUANGAN

Yang sakit hati, cutilah dulu mengutuk, PAS pun doa untuk Tun

Erma Ram - 17/11/2006

NAIB Presiden PAS, Datuk Haji Husam Musa mendoakan agar bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini sedang mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) segera sembuh dan dapat meneruskan perjuangannya hari ini demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Semoga Allah menyegerakan kesembuhan Tun dan beliau dapat meneruskan perannya yang sangat berkesan hari ini dalam memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan negara," kata beliau.

Dr. Mahathir dimasukkan ke IJN setelah diserang sakit jantung ringan pagi tadi.

Husam tidak menolak kemungkinan Dr. Mahathir merasa tertekan dengan tindak balas yang keras dan tidak beradab dari para pemimpin UMNO hari ini terhadap teguran-teguran dan kritikan-kritikannya.

Para pemimpin UMNO sepatutnya menghentikan tindakan-tindakan membalas dendam serta menghentikan kecaman yang tidak beradab dan melampaui batas kesulatan ke atas Tun, kata beliau.

"Mereka sepatutnya menjawab Tun secara berhemah dan beradab dengan jawapan-jawapan yang telus yang sememangnya dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat dan bukannya melayan persoalan yang dibangkitkan oleh Tun dengan begitu keras dan angkuh," kata Husam yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan.

Ketua Pemuda PAS, Salahuddin Ayub juga berharap agar Dr. Mahathir segera pulih dan dapat meneruskan sumbangannya kini untuk kedaulatan dan pembebasan negara ini dari pengaruh luar.

"Saya bersetuju bahawa Tun sangat berkesan dalam sumbangannya hari ini bagi memastikan kedaulatan dan pembebasan negara kita dari pengaruh luar."

"Perkembangan-perkembangan yang berlaku di bawah pentadbiran Perdana Menteri hari ini sangat membimbangkan kita lebih-lebih lagi apabila meningkatnya indeks rasuah, kronisme dan semakin melambatnya pengaruh luar terutama Singapura sehingga wilayah negara ini pun akan dapat dimasuki tanpa pemeriksaan imigresen oleh orang-orang Singapura yang sangat kita curigai dan semakin kasar menguasai sektor ekonomi yang strategik di negara ini."

"Suara Tun menentang perkembangan-perkembangan yang sangat menakutkan itu sedikit sebanyak telah menyukarkan keinginan dan kerakusan pihak tertentu untuk menjadikan negara ini seolah-olah hak milik keluarga mereka sendiri dan beliau kini boleh dianggap amat diperlukan untuk menyekat per-

MUKADIMAH

Dalam keadaan politik UMNO yang dilihat agak tegang ekoran dari kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan jawapan beberapa pemimpin UMNO terutama sekali yang muda-muda maka bangkitlah pemimpin-pemimpin PAS yang berasa kasihan dan sedih dengan apa yang berlaku kepada bekas Perdana Menteri itu. Mereka telah bangkit dengan membela dan mendoakan ke atas kesejahteraan dan kesihatan Tun Dr. Mahathir seperti yang disiarkan dalam Forum Tempur Politik Maya Kmu Dot Net dan disiarkan di sini untuk tatapan pembaca.

kembangan yang akan menghancurkan negara itu," kata beliau.

Ahli Jawatankuasa PAS, Haji Mahfuz Omar pula berharap keluarga Dr. Mahathir dapat bersabar menghadapi masalah kesihatan bekas Perdana Menteri itu dan berdoa agar beliau segera pulih untuk meneruskan perjuangannya. "Ketika negara diancam oleh kelemahan kepimpinan yang ada kini, negara harus dihormati seperti Tun sangat diperlukan untuk memperbetulkan keadaan."

"Walaupun kita tidak ingin menghalang sesiapa sahaja yang mahu meneruskan tindakan mengungkit

kesalahan Tun di masa lalu tetapi di masa yang sama kita harus berlapang dada dan memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada beliau untuk meneruskan perjuangannya hari ini yang sangat diperlukan oleh rakyat," kata beliau.